

01 JUL 1999

PBS-Polis

EJEN PILIHAN RAYA PBS BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP ULIN

KOTA KINABALU, 1 Julai (Bernama) -- Ejen pilihan raya Parti Bersatu Sabah (PBS) Bobbey Suan hari ini membuat laporan polis terhadap wakil rakyat Pensiangan, Ulin Pamiang kerana membuat akuan berkanun palsu, yang ditandatangani sehari sebelum hari penamaan calon pada pilihan raya negeri baru-baru ini.

Bobbey yang diiringi Naib Presiden PBS Yunof Maringking, Setiausaha Agung Raden Malleh dan wakil rakyat Kundasang Karim Adam, membuat laporan itu di Balai Polis Kota Kinabalu, di sini.

Kenyataan beliau direkodkan oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Daerah DSP Omar Mammah.

Dalam laporannya, Bobbey mendakwa bahawa Ulin telah menandatangani satu akuan berkanun di hadapan Pesuruhjaya Sumpah Datuk Lawrence Thien Shin Hing di Kota Kinabalu pada 1 Mac 1999.

Antara lain, akuan berkanun itu mengandungi perjanjian Ulin bahawa beliau menandatangani dokumen berhubung pencalonannya pada pilihan raya negeri baru-baru ini, secara rela tanpa paksaan, pengaruh, pujukan, mewakili, ancaman atau permintaan mana-mana orang.

Salinan akuan berkanun itu diberikan kepada pemberita selepas laporan polis berkenaan dibuat.

Bobbey mendakwa Ulin telah berikrar bahawa jika beliau menyertai parti lain atau mengisytiharkan dirinya sebagai anggota bebas Dewan Undangan Negeri, beliau akan meletakkan jawatan atau mengosongkan kerusinya bagi kawasan Pensiangan berkuatkuasa serta merta.

Bagi tujuan itu, Bobbey berkata Ulin tidak sepatutnya mempersoalkan atau menarik balik surat meletak jawatan yang ditandatangani oleh beliau, yang telah diserahkan kepada Speaker minggu lepas.

Bobbey mendakwa bahawa berdasarkan akuan berkanun itu, kenyataan media yang dibuat oleh Ulin pada 27 Jun -- bahawa PBS memaksa anggotanya menandatangani perjanjian itu yang menyebabkan mereka perlu mengosongkan kerusi mereka jika berpaling tadah ke parti lain setelah memenangi kawasan mereka -- adalah salah dan bertentangan dengan kandungan akuan yang ditandatangani oleh beliau.

Oleh itu, Bobbey, sebagai seorang ejen pilihan raya meminta polis menjalankan siasatan dan mengambil tindakan mengikut peruntukan Kanun Keseksaan dan Akta Akuan Berkanun 1960.

Pada 20 Jun, Ulin dan Timbalan Presiden PBS Haji Malek Chua meninggalkan parti pembangkang untuk menyertai Umno dan telah menyerahkan borang permohonan keanggotaan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

NT RHM RON